



Mencari Keberkatan dalam Perniagaan

Oleh: Amirah Syazwani Baderol Sham

Pandemik COVID-19 yang melanda dunia sejak tahun 2020 menyebabkan banyak individu yang memilih untuk menceburi bidang perniagaan. Perniagaan adalah antara bidang kerjaya yang mulia dan digalakkan oleh agama Islam agar umat Islam berupaya menjanakan kekuatan ekonomi umatnya. Namun begitu, umat Islam tidak boleh menjalankan perniagaan yang diharamkan oleh agama walaupun perniagaan tersebut menjanjikan keuntungan berlipat kali ganda.

Rasulullah SAW pernah berniaga hingga memperoleh keuntungan yang banyak dan kebanyakan sahabat baginda juga menceburi bidang perniagaan dan bergelar usahawan berjaya. Para usahawan sewajarnya mencontohi Rasulullah SAW dan para sahabat baginda dalam menjalankan perniagaan jika mahu berjaya dan memperoleh keberkatan.

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat*, "usahawan" didefinisikan sebagai orang yang mengusahakan sesuatu perusahaan. Mohd Zain Mubarak dalam kajian beliau yang bertajuk "Konsep Keusahawanan: Terminologi, Kerohanian dan al-Falah" menyatakan bahawa pengertian usahawan dari perspektif agama Islam ialah seseorang yang berkebolehan dengan ilmu dan kemahiran tertentu yang berusaha untuk meningkatkan ekonomi diri dan masyarakat melalui aktiviti perniagaan serta memahami tanggungjawabnya sebagai khalifah Allah SWT.

Umumnya, dalam agama Islam, usahawan ialah khalifah Allah SWT yang diamanahkan untuk menjaga dan menguruskan semua hasil bumi secara baik dan setiap perbuatannya akan dipersoalkan di akhirat. Walau

bagaimanapun, istilah khusus yang merujuk usahawan dan keusahawanan tidak ditemukan dalam al-Quran. Dalam al-Quran, hanya ada perkataan *at-tijarah*, iaitu "perniagaan yang disebut". Berdasarkan kajian, terdapat lebih daripada 500 ayat al-Quran yang berkaitan dengan perniagaan.

Usahawan bukanlah merujuk individu yang berniaga di premis perniagaan semata-mata, tetapi juga mereka yang menceburi bidang pekerjaan lain seperti penternakan, pertanian, pertukangan, dan sebagainya yang berakhir dengan urusan jual beli untuk memperoleh keuntungan daripada usaha yang digembleng.

Perkara yang amat penting bagi seseorang peniaga atau usahawan Islam ialah bertanggungjawab dan amanah dalam perniagaan. Namun begitu, pada bulan Ramadan yang lalu, kita disajikan dengan cerita yang tidak enak berkaitan dengan peniaga di bazar Ramadan.

Saban hari ada sahaja isu atau kisah tentang juadah yang dibeli di bazar Ramadan yang dikongsi oleh masyarakat di media sosial, antaranya termasuklah makanan berulat, makanan mentah, kuih-muih berlendir, dan pelbagai lagi. Hal ini sangat

menyedihkan kerana para peniaga di bazar Ramadan kebanyakannya beragama Islam. Isu atau kisah sebegitu tidak sepatutnya berlaku.

Agama Islam menyediakan garis panduan yang lengkap kepada umatnya, termasuklah semasa menjalankan perniagaan sebagaimana yang disebutkan dalam al-Quran dan al-Sunah agar menjadi seorang hamba yang berjaya dalam hidup. Bahkan, terdapat beberapa hadis yang menggalakkan umat Islam agar berniaga. Satu daripadanya ialah hadis yang diriwayatkan oleh al-Tarmizi:

"Sembilan persepuluh punca rezeki adalah dalam perniagaan."

(Al-Tarmizi)

Manusia yang hidup dalam dunia tidak dapat lari daripada kegiatan jual-beli. Bahkan, Allah SWT menyuruh manusia menceburi bidang perniagaan sebagaimana firman-Nya yang bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu antara kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan (jalan) perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka antara kamu ..."

(Surah al-Nisa' 4:29)

Dalam agama Islam, sesiapa yang menjalankan perniagaan sama ada kecil ataupun besar perlu bersikap jujur dan amanah. Prinsip ini digunakan oleh Rasulullah SAW semasa baginda menjalankan dagangan Sayidatina Khadijah hingga memperoleh hasil keuntungan yang besar dan berlipat kali ganda.

Sifat jujur dan amanah perlu ada dalam diri seseorang Muslim setiap masa, terutamanya ketika menjalankan perniagaan. Sebagai contohnya, seorang peniaga tidak menjual barangan yang rosak



"Sembilan persepuluh punca rezeki adalah dalam perniagaan."

atau luput tarikhnya; menipu apabila melakukan timbangan atau sukatan. Bahkan, Allah SWT juga menegah perbuatan menipu dalam timbangan sebagaimana firman-Nya yang bermaksud:

“Kecelakaan besar bagi orang-orang yang curang (dalam timbangan dan sukatan), yaitu mereka yang apabila menerima sukatan (gantang cupak) dari orang lain mereka mengambilnya dengan cukup, dan (sebaliknya) apabila mereka menyukat atau menimbang untuk orang lain, mereka kurangi.”

(Surah *al-Mutaffifin* 83:1–3)

Sebenarnya, bagi peniaga/ usahawan Islam, tiada ada gunanya menipu dalam urusan jual beli. Hal ini demikian kerana keuntungan yang diperoleh itu tidak mendapat keberkatan Allah SWT. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Dua orang yang melakukan jual beli berhak mempunyai pilihan (sama ada meneruskan atau membatalkan jual beli) selagi mereka belum berpisah. Jika kedua-duanya berjual beli secara jujur dan jelas maka jual beli mereka itu akan diberkati. Jika kedua-duanya berjual beli secara menyembunyikan sesuatu dan berdusta maka keberkatan pada jual beli itu akan terhapus.”

(Al-Bukhari dan Muslim)

Keberkatan yang hilang boleh menimbulkan masalah lain dalam hidup. Hal ini demikian kerana keuntungan yang diperoleh masih dirasakan tidak mencukupi hingga seseorang itu mula mengabaikan amal ibadah lain yang wajib demi mencari keuntungan yang lebih. Jika seseorang itu menjalankan perniagaan secara jujur dan amanah dan mementingkan keberkatan Allah SWT, akan memperoleh kelebihan yang dijanjikan sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Seorang peniaga yang bersifat benar, jujur lagi dipercayai akan

bersama-sama sekalian nabi, *siddiqin* dan *syuhada* (pada hari kiamat kelak).”

(Al-Tarmizi)

Seorang peniaga yang jujur dan amanah juga perlu mengelakkan sebarang tipu daya ketika urusan jual beli. Pada zaman Rasulullah SAW, baginda mendapati peniaga melakukan penipuan dengan meletakkan gandum yang basah di bahagian sebelah bawah dan gandum yang kering di bahagian atasnya. Kejadian itu menyebabkan Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Barang siapa yang menipu kami, dia bukanlah daripada golongan kami.”

(Hadis Riwayat Muslim)

Pada zaman ini juga, para peniaga sering melakukan helah dan tipu daya dalam urusan jual beli, termasuklah mengenakan cas tersembunyi kepada para pembeli.

Ada juga antara peniaga yang meletakkan tanda harga yang rendah pada barangan, tetapi pembeli perlu membayar pada harga yang lebih tinggi. Menurut Mufti Pahang, Dato’ Sri Dr. Haji Abdul Rahman Haji Osman, tindakan premis perniagaan yang meletakkan tanda harga “99 sen”, tetapi pengguna perlu membayar sebanyak RM1.00 mengikut penganapan, sebenarnya tidak mencukupkan syarat akad jual dan beli dalam agama Islam.

Urus niaga tersebut berunsur *gharar*, iaitu helah peniaga yang mengelirukan pelanggan kerana pada asasnya nilai terkecil di pasaran ialah lima sen. *Gharar* ialah istilah dalam bahasa Arab yang bermaksud penipuan nyata sebagai satu helah penjual untuk mengaut untung yang tidak sepatutnya.

Para peniaga pada hari ini juga tidak segan silu menggunakan sumpah untuk melariskan jualan mereka. Sedangkan, Rasulullah SAW menghalang orang yang melakukan urusan jual beli daripada bersumpah dan mengatakan sesuatu yang tidak benar. Hal ini sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Sumpah itu melariskan barang dagangan akan tetapi menghapuskan keberkatannya.”

(Al-Bukhari)

Para peniaga juga perlu memberikan layanan yang adil dan saksama kepada para pembeli atau pelanggan mereka tanpa mengira status. Namun begitu, pada hari ini, keadaannya berbeza. Rasulullah SAW merupakan antara contoh peniaga yang sentiasa memberikan layanan adil dan memberikan senyuman kepada semua pelanggan baginda tanpa mengira status hingga mendapat keuntungan yang besar dan berlipat ganda.

Dalam usaha meraih keberkatan dalam perniagaan, agama Islam juga melarang para peniaga memonopoli dan menyorok barangan. Perbuatan tersebut ditegah kerana boleh menaikkan harga barangan akibat kesukaran masyarakat mendapatkannya di pasaran sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Sesiapa yang menyorok (barangan), dia telah melakukan kesalahan”.

(Abu Daud)

Tuntasnya, para peniaga/ usahawan sewajarnya mengikut prinsip yang digariskan oleh agama Islam dalam bidang perniagaan. Golongan peniaga juga seharusnya mencontohi Rasulullah SAW jika ingin berjaya dalam bidang perniagaan dan memperoleh keberkatan hidup. Keberkatan akan menjamin kehidupan yang bahagia, tenang dan lancar. 